

SH 27-06-08 M/S 14

Pemaju janji siapkan pembinaan tertanggung

MERU - Pembeli rumah di Taman Desa Kencana, Jalan 11 (KU11) Jalan Dusun dekat sini terpaksa menunggu lebih lama dari tarikh jangkaan rumah berkenaan siap akibat kerja-kerja pembinaan rumah berkenaan yang sering tertanggung.

Pembinaan rumah-rumah tersebut sudah hampir 70 peratus dapat disiapkan namun akibat kerja-kerja pembinaan yang kerap tertanggung akibat masalah yang dihadapi oleh pemaju menyebabkan pembeli semakin resah dan mengundang masalah kepada mereka.

Sinar Harian difahamkan pada perjumpaan yang diatur oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Dr Abdul Rani Osman bersama pemaju, pembeli dan beberapa pihak lagi yang terlibat termasuk pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK), masalah tersebut akan cuba diatasi secepat mungkin oleh pemaju.

Menurut Setiausaha ADUN Meru, Baharom Basiron, pada perjumpaan itu pihak pemaju berjanji akan cuba menyiapkan segala pembinaan yang tertanggung dalam jangka masa yang terdekat

sebagai jalan keluar kepada kemelut ini.

"Jalan penyelesaian perlu dicari kerana pembeli sudah menunggu lebih tiga tahun untuk mendiami rumah mereka dari tarikh jangkaan siap pada 2005 dan pihak pemaju juga perlu menjaga nama baik mereka sendiri.

"Pada perjumpaan tempoh hari, pihak pemaju turut menyatakan bahawa pihaknya akan berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi pihaknya dari segi kewangan bagi memuaskan hati pembeli selain menunaikan tanggung jawabnya untuk menyiapkan kawasan perumahan tersebut," katanya.

Tambahnya, pihaknya turut mengadakan perbincangan dengan pihak bank kerana keadaan ini memberi bebanan kepada pembeli yang terpaksa menanggung kos sara hidup yang begitu membebankan dan dalam pada masa yang sama mereka terpaksa menjelaskan bayaran pinjaman perumahan set 10 bulan di mana pembeli sudah diarahkan untuk membuat bayaran pinjaman secara penuh sejak 2005.



Abdul Rani (tiga dari kiri) bersama sebahagian dari pembeli pada lawatannya ke taman perumahan Desa Kencana yang mengalami masalah kelewatan untuk disiapkan dekat sini, baru-baru ini.